

16 MAR 1999

WAN AZIZAH BELUM LAGI BUAT PILIHAN

KUALA LUMPUR, 16 Mac (Bernama) -- Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail hari ini berkata beliau masih belum lagi membuat pilihan mengenai penglibatannya dalam politik.

"Saya banyak pilihan," kata Wan Azizah, isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kepada pemberita di kediamannya di Bukit Damansara di sini.

Beliau menjawab soalan sama ada akan menyertai parti pelbagai kaum yang dirancang ditubuhkan oleh bekas setiausaha politik Anwar, Mohamed Ezam Mohamed Noor ataupun beliau akan membentuk sebuah parti sendiri.

Terdapat cakap-cakap mengatakan Wan Azizah akan mencabar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pilihan raya umum akan datang.

Pada 19 Dis tahun lepas Wan Azizah memohon pendaftaran sebuah pertubuhan sosial, Angkatan Keadilan sosial (Adil), yang diketuainya.

Mohamed Ezam, yang menginggalkan negara ini enam bulan lepas berikutan penangkapan Anwar kerana mengetuai satu perhimpunan haram, pulang ke tanah air dari Jakarta pada Ahad.

-- BERNAMA

HS RON